



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 26/2009**

Bukti Kematian Yang Sah



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 26/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 26/2009

Bukti Kematian Yang Sah

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah berkenaan dengan bukti kematian yang sah semasa menguruskan pembahagian pusaka kecil.

2. Kematian si mati boleh dibuktikan dengan mengemukakan salah satu daripada berikut mengikut keutamaan:-

- i) a) Sijil Kematian yang asal
 - Seksyen 25 Kaedah 5A Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957;
- b) Sijil Kematian dari luar negara yang asal atau salinan yang diperakui oleh penyimpannya yang sah berserta suatu pengakuan yang dimeterai dengan meterai seorang Notari Awam atau seorang Pegawai Konsul Malaysia bahawa salinan itu adalah diperakui seperti dokumen asal mengikut undang-undang negara tersebut.
 - Perenggan 78(1)(f) Akta Keterangan 1956.

Contoh Perakuan:

Ini adalah Sijil Kematian yang dikeluarkan oleh Kerajaan/Pemerintah yang diperakui telah disempurnakan dan ditandatangani oleh pegawainya yang bertauliah mengikut undang-undang negara

- ii) Salinan rasmi Sijil Kematian yang asal
 - Subseksyen 32 (1) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957;
- iii) Permit menguburkan yang asal
 - Seksyen 64, Akta Keterangan 1950;

3. Jika dokumen-dokumen di perenggan 2(i), (ii) dan (iii) tidak dapat diperoleh tetapi kematian tersebut boleh dibuktikan dengan kenyataan saksi, kenyataan berkenaan bolehlah dibuat melalui afidavit yang difaiklan oleh dua orang saksi bebas (iaitu mereka yang tidak mempunyai sebarang kepentingan terhadap harta pusaka si mati) menyatakan bahawa mereka telah melihat mayat si mati dan menghadiri upacara pengebumiannya. Selain itu, tidak menjadi halangan bagi dua orang saksi bebas berkenaan memberi keterangan secara lisan kepada Pentadbir Tanah semasa perbicaraan dan keterangan tersebut apabila direkodkan akan diterima sebagai bukti kematian.

4. Sekiranya bukti-bukti yang dinyatakan di perenggan 2 dan 3 tidak dapat dinyatakan, maka pembuktian kematian hendaklah melalui Perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi mengikut peruntukan seksyen 108 Akta Keterangan 1956.

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 29/1977 dengan ini dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4

Tarikh: 31 Disember 2009